

D.R. 4/93

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1992 dan 1993 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1992 dan 1993) 1993. Tajuk ringkas

2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi empat ribu lapan ratus enam puluh juta dua ratus dua puluh lapan ribu lapan ratus dua puluh lima ringgit (RM4,860,228,825) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1992, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1992, Akta Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) 1992, Akta Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) (No. 2) 1992 dan Akta Perbekalan Tambahan (1992) 1992. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1992.
Akta A806
Akta A820.
Akta A833.
Akta A838.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Perbelanjaan
tambahan bagi
tahun 1993.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak melebihi tiga puluh Japan juta satu ratus sembilan puluh tiga ribu lapan ratus ringgit (RM38,193,800) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1993, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1993.

Akta A839.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA

(Seksyen2).

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud RM
B. 1	Parlimen	502,200
B. 4	Suruhanjaya Pilihanraya	432,000
B. 6	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	169,600
B. 7	Jabatan Perdana Menteri	57,880,000
B. 10	Jabatan Peguam Negara	647,700
B. 14	Kementenan Perumahan dan Kerajaan Tempatan	14,286,700
B. 15	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	1,132,000
B. 16	Jabatan Perkhidmatan Bomba	3,595,000
B. 17	Kementerian Belia dan Sukan	1,340,000
B. 18	Kementerian Perusahaan Utama	34,856,100
B. 19	Kementerian Pertanian	12,999,700
B. 23	Jabatan Arkib Negara	460,000
B. 25	Kementerian Pertahanan	175,463,100
B. 26	Kementerian Pendidikan	2,350,000
B. 29	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	108,848,200
B. 30	Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	4,038,000,000
B. 31	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	6,350,000
B. 32	Jabatan Hasil Dalam Negeri	5,000,000
B. 33	Kementerian Perusahaan Awam	3,052,000

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud RM
B. 34	Kementerian Kesihatan	110,479,400
B. 36	Polis Diraja Malaysia	135,910,000
B. 37	Jabatan Imigresen	5,048,400
B. 38	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan	201,000
B. 40	Jabatan Penjara	9,874,000
B. 41	Jabatan Pertahanan Awam	375,000
B. 42	Jabatan Percetakan Negara	930,600
B. 43	Kementerian Undang-Undang	7,565,525
B. 45	Kementerian Sumber Manusia	2,915,900
B. 46	Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	9,146,100
B. 47	Kementerian Pengangkutan	10,376,200
B. 51	Kementerian Luar Negeri	13,294,600
B. 52	Kementerian Kerja Raya	4,000,000
B. 54	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	68,102,500
B. 55	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	255,000
B. 56	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	14,390,300
	JUMLAH . .	<u>4,860,228,825</u>

JADUAL KEDUA

(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud RM
B. 16	Jabatan Perkhidmatan Bomba	2,365,000
B. 22	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	6,678,800
B. 50	Kementerian Perusahaan Awam	29,000,000
B. 56	Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat	150,000
	JUMLAH . .	<u>38,193,800</u>

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberikan kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1992 dan 1993 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1992, Akta Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) 1992, Akta Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) (No. 2) 1992, Akta Perbekalan Tambahan (1992) 1992 dan Akta Perbekalan 1993.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1748.]